

**Pelantikan Tuanku Abdul Halim Untuk Kali Kedua Tercatat Dalam Buku Rekod Malaysia
Bernama
12 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Pelantikan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua adalah antara rekod yang terkandung dalam 'Malaysia Book of Records' (MBR) edisi kelapan yang dilancarkan Rabu malam.

Selain Seri Paduka Baginda, rekod terkini MBR juga mencatatkan Kama Mirezzanail Kama Rezmie sebagai budak lelaki paling rendah dengan ketinggian 56sm dan pemain bola sepak Mohd Safee Mohd Sali sebagai pemain menerima bayaran paling tinggi.

Buku MBR edisi kelapan, yang diterbitkan dalam dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, mengandungi lebih daripada 4,000 rekod dan pencapaian oleh rakyat Malaysia.

Pelancaran buku itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz di sini sempena ulang tahun ke-17 MBR.

Majlis itu turut dihadiri oleh bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan pengasas MBR, Datuk Danny Ooi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679894>